



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 51 (17 DISEMBER – 23 DISEMBER 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-51 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,913 kes berbanding 3,140 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 227 kes (7.2%). Terdapat empat (4) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-51 tahun 2023.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-51 adalah sebanyak 120,418 kes berbanding 64,078 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 56,340 (87.9%). Manakala sejumlah 96 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 50 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-51 adalah sebanyak 131 lokaliti berbanding 124 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 131 lokaliti yang dilaporkan, 106 lokaliti di Negeri Selangor, 10 lokaliti di WPKL & Putrajaya, lapan (8) lokaliti di Negeri Perak, tiga (3) lokaliti di Pulau Pinang, dua (2) lokaliti di Negeri Kedah dan masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan dan Sabah.


Bagi surveilans chikungunya, terdapat tiga(3) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-51. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 196 kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada ME51/2023. Bagi surveilans zika, sebanyak 3,836 sampel darah dan 428 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

One Hour Malaysia Clean Up merupakan inisiatif kebersihan persekitaran di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan telah dilancarkan pada 9 Julai 2023. Ia memfokuskan kepada empat (4) aktiviti utama iaitu gotong-royong pencegahan tempat pembiakan Aedes, kitar semula, penglibatan komuniti dan aktiviti pendidikan kesihatan. Semua rakyat Malaysia sama ada dari agensi kerajaan, swasta, komuniti dan badan bukan kerajaan (NGO) disarankan untuk bersama-sama menjadikan *One Hour Malaysia Clean Up* sebagai aktiviti bulanan di mana mekanisma pelaksanaannya adalah pada setiap hari Sabtu minggu keempat setiap bulan yang dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) jam pada setiap sesi. Pupuklah sikap dan tabiat prihatin di dalam kalangan anggota keluarga dan masyarakat agar sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
29 Disember 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-51 & ke-50 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-51 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-51), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-51 tahun 2023